

15/03/2001

Osu Sukam masih jalankan tugas KM

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Osu Sukam, yang genap dua tahun sebagai Ketua Menteri Sabah esok, akan terus menjalankan tugas seperti biasa sehingga mendapat arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika ditemui selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet negeri di Kota Kinabalu hari ini, Osu berkata, beliau akan terus menjalankan tugas sebagai Ketua Menteri.

Sumber berkata, pemimpin Umno yang mewakili Bumiputera Islam akan terus dilantik menjawat jawatan itu selepas tempoh dua tahun Osu berakhir esok.

Sebagai ganti sistem pengiliran itu, pemimpin Bumiputera bukan Islam dan Cina akan dilantik menerajui kementerian kanan iaitu Kewangan dan Pembangunan Infrastruktur.

Pelantikan dibuat selepas lima parti komponen utama BN Sabah, Datuk Yong Teck Lee (SAPP), Tan Sri Joseph Kurup (PBRs), Tan Sri Bernard Dompok (Upko), Datuk Pandikar Amin Mulia (Akar) dan Datuk Chong Kah Kiat (LDP) memberi mandat kepada Perdana Menteri membuat keputusan mengenai sistem berkenaan.

(END)